

MPOB hasilkan baja mampu tingkat pengeluaran sawit

Oleh [Alzahrin Alias](#) - Jun 4, 2021 @ 12:50pm

zahrin@bh.com.my



Baja MPOB F3 yang dihasilkan oleh sekumpulan penyelidik di MPOB

KUALA LUMPUR: Sekumpulan penyelidik di Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menghasilkan inovasi formulasi baja yang mengandungi nutrien seimbang, sekali gus mampu meningkatkan pengeluaran hasil buah sawit.

Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir, berkata baja itu adalah hasil daripada penyelidikan yang diketuai oleh Ahmad Afandi Murdi.

Beliau berkata, inovasi baja sebatian yang dikenali MPOB F3, adalah dalam bentuk butiran padat dan diformulasi dengan nisbah seimbang nitrogen, fosfat, kalium, magnesium dan borate yang dirumus khas untuk pokok sawit ditanam di tanah mineral.

Katanya, formulasi baja MPOB F3 yang mengandungi nutrien seimbang juga sesuai untuk kelapa sawit ditanam di pelbagai jenis tanah.

"Pokok sawit perlu pembajaan yang sempurna termasuk kandungan nutrien seimbang untuk pengeluaran hasil yang tinggi.

"Walaupun keperluan nutrien adalah khusus mengikut keadaan setempat, penggunaan nisbah nutrien yang seimbang dalam baja sebatian akan memberikan input nutrien yang bersesuaian pada lokasi yang berbeza.

"Penggunaan baja secara sistematik akan meningkatkan pengeluaran buah tandan sawit dan menjana pendapatan yang lebih tinggi bagi pengusaha ladang dan pekebun kecil," katanya dalam satu kenyataan.

Ahmad Parveez berkata, penggunaan baja MPOB F3 dapat menjimatkan kos kerana berupaya mengurangkan kehilangan nutrien dan meningkatkan keupayaan pengambilan nutrien oleh akar pokok.

Beliau berkata, pengenalan formulasi baja seimbang ini dapat mengurangkan kesan negatif persekitaran yang berkaitan dengan kadar penggunaan baja berlebihan, penurunan kualiti tanah dan pencemaran dari logam berat.

Katanya, bagi tujuan pengkomersialan baja MPOB F3, MPOB sudah menandatangani perjanjian dengan FGV Fertiliser Sdn Bhd.